

LAPORAN
TAKLIMAT GARIS PANDUAN PENENTUAN NAMA GEOGRAFI DAN
PANGKALAN DATA NAMA GEOGRAFI
PADA 12 DISEMBER 2006 DI KOTA KINABALU, SABAH

1. LATARBELAKANG

- 1.1 Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) telah menganjurkan Taklimat Garis Panduan Penentuan Nama Geografi dan Pangkalan Data Nama Geografi pada 12 Disember 2006 di Hotel Pacific Sutera, Sutera Harbour Resort, Kota Kinabalu, Sabah.
- 1.2 Taklimat ini telah dihadiri oleh wakil-wakil daripada Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Sabah dan Jawatankuasa Kerja Nama Geografi Peringkat Daerah Sabah.
- 1.3 Taklimat ini diadakan lanjutan daripada usul yang dikemukakan oleh wakil Sabah semasa Mesyuarat Keempat Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi yang telah diadakan pada 20 Jun 2006 di Kuantan, Pahang.

2. TUJUAN

- 2.1 Memberi pendedahan dan kefahaman kepada pihak-pihak yang terlibat berkaitan kepentingan penggunaan nama-nama geografi yang tekal dan tepat untuk mewujudkan rangkaian komunikasi yang berkesan.
- 2.2 Membantu pihak yang terlibat memahami Garis Panduan Penentuan Nama Geografi yang dihasilkan oleh Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi sebagai panduan dalam penentuan nama-nama yang baru.

- 2.3 Memberi pendedahan mengenai pangkalan data nama geografi yang sedang dibangunkan oleh pihak Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI).

3. ATURCARA

- 3.1 Aturcara taklimat ialah seperti di [Lampiran A](#).
- 3.2 Taklimat ini telah dimulakan dengan ucapan pembukaan oleh wakil Setiausaha Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi iaitu En. Wan Zainuddin bin Wan Yusoff, Pengarah Ukur Seksyen (Penawanan Data).
- 3.3 Taklimat Garis Panduan Penentuan Nama Geografi telah disampaikan oleh wakil Kumpulan Kerja Garis Panduan Penentuan Nama Geografi iaitu En. Chan Keat Lim, Ketua Penolong Pengarah Ukur, JUPEM.
- 3.4 Taklimat Pangkalan Data Nama Geografi dan Gazetir Kebangsaan telah disampaikan oleh Tn. Hj. Mazlan bin Ashaári, Ketua Penolong Pengarah, MaCGDI.
- 3.5 Demonstrasi prototaip Web Gazetir Pangkalan Data Nama Geografi (PDNG) telah disampaikan oleh En. Mohamad Nizar bin Damis, Penolong Pengarah, MaCGDI.
- 3.6 Semasa sesi perbincangan, peserta diberi peluang untuk mengajukan sebarang bentuk persoalan atau cadangan mengenai taklimat yang telah disampaikan oleh penceramah. Ahli panel yang terlibat semasa sesi perbincangan adalah seperti berikut:

- (i) **Encik Wan Zainuddin bin Wan Yusoff**
Pengarah Ukur Seksyen (Penawanan Data)

(ii) **Tuan Haji Mazlan bin Ashaári**
Ketua Penolong Pengarah, MaCGDI

(iii) **Encik Chan Keat Lim**
Ketua Penolong Pengarah Ukur,
Seksyen Perkhidmatan Pemetaan, JUPEM

(iv) **Encik Mohamad Nizar bin Damis**
Penolong Pengarah, MaCGDI

3.7 Soalan dan cadangan yang diajukan semasa sesi perbincangan adalah seperti di [Lampiran B](#).

3.8 Gambar-gambar sepanjang taklimat tersebut diadakan adalah seperti di [Lampiran C](#).

4. PESERTA TAKLIMAT

4.1 Taklimat ini disasarkan khusus kepada Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Sabah dan juga Jawatankuasa Kerja Nama Geografi Peringkat Daerah Sabah.

4.2 Seramai 48 orang peserta yang hadir dan butiran terperinci mengenai kehadiran adalah seperti di [Lampiran D](#).

4.3 Senarai kehadiran peserta adalah agak memuaskan iaitu sebanyak 69% yang hadir.

5. KESIMPULAN

Taklimat yang telah diadakan telah berjaya menarik perhatian peserta terutamanya semasa sesi perbincangan. Peserta taklimat berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi terutamanya mengenai prinsip-prinsip yang telah digariskan dalam Garis Panduan Penentuan Nama Geografi.

Terdapat juga cadangan agar Garis Panduan tersebut dijadikan sebagai Akta supaya ianya akan digunakan oleh pihak-pihak yang terlibat. Walau bagaimanapun, kuasa penamaan adalah terletak di bawah kuasa Pihak Berkuasa Negeri. Garis Panduan yang diterbitkan hanyalah sebagai panduan dalam urusan penamaan, begitu juga dengan pangkalan data nama geografi yang dibangunkan bertujuan untuk membantu PBT merujuk nama-nama yang telah diwartakan dan belum diwartakan.

Daripada apa yang telah disampaikan, adalah diharapkan agar Pihak Kerajaan Negeri Sabah dapat memainkan peranan yang lebih aktif lagi dan membantu Jawatankuasa terutamanya dalam membangunkan pangkalan data nama geografi di Sabah. Penggunaan nama geografi secara tekal akan menyokong perkembangan sosioekonomi, selaras dengan penubuhan infrastruktur data spatial kebangsaan. Penggunaan nama geografi yang selaras juga akan dapat menyumbang ke arah pengkalan aspek sejarah dan kebudayaan sesuatu tempat.

*Urus Setia JKNG
Disember 2006*